

# Seorang bekas Menteri Kewangan yang dianggap guna kedudukan untuk popularkan diri dibidas

KUALA LUMPUR 3 Nov. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini membidas seorang bekas Menteri Kewangan yang disifatkannya telah menggunakan kuasa dan kedudukan untuk mempopularkan din dalam parti dengan matlamat untuk menjadi Perdana Menteri.

Tegas Presiden UMNO itu, bekas Menteri Kewangan tersebut bukan menggunakan jawatan beliau dalam kerajaan sepenuhnya untuk memajukan negara tetapi juga untuk memajukan diri.

"Pemah menteri ini berjanji memberi tiga juta ringgit kepada kerajaan Selangor dan juga lesen bank supaya perwakilan UMNO dari negeri itu menyokongnya untuk jawatan tertentu dalam Majlis Tertinggi," kata Perdana Menteri dalam ucapan dasarnya di Perhimpunan Agung UMNO hari ini.

Bagaimanapun ketika ditemui oleh para pemberita selepas itu, beliau enggan mengulas apabila ditanya siapakah bekas Menteri Kewangan yang dimaksudkan itu.

Menurutnya, bekas menteri berkenaan juga memberi lesen syarikat kewangan kepada dewan-dewan perniagaan Melayu di tiap-tiap negeri.

Malah, kata beliau, 'on-the-sport grant' yang hikhaskan untuk Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri sa-

ja, juga digunakan oleh menteri itu bagi mempopularkan dirinya.

"Bermacam-macam lagi kuasa Kementerian Kewangan digunakan olehnya semata-mata bagi din sendiri dalam pertandingan merebut jawatan tinggi dalam UMNO," katanya.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, amalan buruk menteri berkenaan yang sepatutnya dipandang hina, turut diikuti dan diamalkan pula oleh orang-orang tertentu termasuk pemimpin-pemimpin parti dan anggota-anggota kerajaan sekarang.

Katanya, mereka yang menjadi kaya kerana Dasar Ekonomi Baru (DEB) juga menggunakan wang yang diperolehi untuk membeli pengaruh bagi mendapatkan tempat dalam parti di peringkat cawangan dan bahagian.

"Mereka yang mendapat jawatan dalam syarikat-syarikat milik kerajaan juga menggunakan kedudukan dan pendapatan mereka untuk memperoleh sokongan dan tempat," tambahnya.

Menurut Perdana Menteri, contoh buruk bekas Menteri Kewangan itu menular ke semua peringkat sehingga ada calon Majlis Tertinggi yang sanggup memberi sogokan untuk mendapat sokongan.

"Sebab itulah walaupun se-

jumlah besar daripada bahagian mencalonkan orang tertentu bagi satu jawatan tetapi keputusan semasa para perwakilan mengundi didapati jauh berbeza daripada keputusan yang dibuat oleh bahagian-bahagian.

"Kerana amalan rasuah dan mengutamakan diri sendiri ini, UMNO akhirnya diheret ke mahkamah dan dihukum tidak sah," katanya.

Beliau juga membidas masyarakat biasa yang menjual undi bagi mendapatkan sesuatu bagi din sendiri atau untuk kampung mereka.

Menurutnya, ada kalanya apabila sipolan membuat kesalahan seperti mencerobohi tanah kerajaan, ugutan dibuat supaya tindakan tidak diambil jika parti kerajaan ingin mencapai kemenangan.

Kata beliau, walaupun kerajaan telah memberi banyak bantuan, semua ini dilupakan begitu saja jika yang dituntut tidak dilayan.

Menurut Perdana Menteri, pejuang-pejuang kemerdekaan dulu tidak memikir dan terfikir untuk mendapatkan sesuatu bagi diri mereka sendiri.

"Perselisihan antara pemimpin-pemimpin politik Melayu dalam tahun-tahun sebelum merdeka bukan kerana jawatan tetapi kerana pendekatan dalam memperjuangkan nasib bangsa," tambahnya.